



REKA BENTUK BALKONI KEDIAMAN UNDANG BAHAYA

Oleh HASIF IDRIS
ekonomi.utusan@mediamulia.com.my

KES kanak-kanak terjatuh dari pangsapuri dan rumah bertingkat semakin membimbangkan dan punca utama kejadian itu bukan sekadar kecuaihan ibu bapa, tetapi kegagalan rekabentuk yang tidak mengambil kira keselamatan kanak-kanak.

Insiden kanak-kanak terjatuh dari pangsapuri antaranya melibatkan kes tragis seorang budak lelaki berusia tiga tahun yang maut terjatuh dari tingkat

enam di Kota Damansara, Ogos lalu.

Selain itu, terdapat kes lain seperti seorang budak lelaki berusia 10 tahun yang cedera selepas terjatuh dari tingkat tujuh di Selayang dan kes tragis seorang budak lelaki berusia dua tahun yang maut terjatuh dari sebuah pangsapuri di Putrajaya, Mei lalu.

Kebanyakan kes berlaku ketika ibu bapa meninggalkan anak buat seketika, sementara kanak-kanak yang terbangun dari tidur mula mencari-cari ibu bapa sebelum menuju ke tingkap atau balkoni.

"KEPALA BUDAK BOLEH LEPAS WALAUPUN 100MM. APABILA KEPALA LEPAS, BADAN PASTI LEPAS, JADI SEKALIPUN MEMATUHI UNDANG-UNDANG, REKABENTUK ITU TETAP BERISIKO."

Kanak-kanak apabila bangun, mereka tidak berfikir panjang dengan memanjat atau keluar ke balkoni tanpa sedar risiko bahaya yang menanti.

Pengarah Urusan Laras Architects Sdn. Bhd., Ar. Hamka Abu Dardak berkata, ramai tidak sedar mengenai tingkap, penghadang (*railing*) atau jeriji yang dipasang di rumah sebenarnya tidak direka untuk menghalang risiko berkenaan.

Walaupun Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (UBBL) 1984 menetapkan jarak maksimum 75 millimeter (mm) antara palang besi, ia belum cukup se-

lamat.

"Kepala budak boleh lepas walaupun 100mm. Apabila kepala lepas, badan pasti lepas. Ini asas anatomi manusia. Jadi sekalipun mematuhi undang-undang, rekabentuk itu tetap berisiko," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Berpengalaman selama 30 tahun dalam reka bentuk kediaman, Hamka berkata, terdapat jeriji di Malaysia menggunakan palang melintang yang sebenarnya bertindak seperti tangga kecil.